

KATA SAPAAN BAHASA INDONESIA KHUSUSNYA DI JAKARTA

Hermina Sutami

Abstrak

Kini, penggunaan kata sapaan dalam bahasa Indonesia berbanding dengan 10–15 tahun lalu menunjukkan suatu perubahan. Hal ini terjadi kerana terdapat perbezaan pendapat dalam hal menilai hubungan antara sesama manusia. Perbezaan ini terjadi secara menegak (antara orang yang status dan kedudukannya tidak sama) sehubungan dengan meningkatnya kesedaran tentang hak asasi manusia dan penghilangan diskriminasi di dunia. Dalam hubungan mendatar (antara orang yang status dan kedudukannya sama), banyak digunakan kata sapaan yang tidak rasmi, terutama oleh kaum muda. Penggunaan kata sapaan dalam bahasa Belanda pula kekerapannya semakin menurun, manakala yang dalam bahasa Inggeris juga tidak muncul dalam komunikasi bahasa Indonesia.

Abstract

Recently, there is a shifting of term of address in Indonesian language since the last 10–15 years. It is due to the shifting of opinion in estimating human relationships. There is a vertical shifting—between person whose social status and occupations are different due to the increasing of human right awareness and the decreasing of discrimination throughout the world. There is a nonformal term of address in the horizontal shifting, those who have equal social status and occupation, especially among the youth. It is obvious that the usage of Dutch term of address shows a decreasing tendency, except in the ingroupness usage. Meanwhile, English term of address does not appear in the Indonesian language.

PENDAHULUAN

Jakarta, ibu kota Indonesia didiami penduduk berbilang bangsa, yang terdiri daripada puluhan suku bangsa Indonesia termasuk golongan keturunan Cina dan orang asing. Dalam keadaan demikian muncul pelbagai jenis bahasa berserta kata sapaannya. Makalah ini membincangkan penggunaan kata sapaan secara *outgroupness* atau luar kelompok daripada penutur bahasa Indonesia – baik ragam rasmi mahupun percakapan – yang tinggal di Jakarta, misalnya antara orang Jawa dengan suku-suku lain, keturunan Cina dengan peribumi, atau orang Indonesia dengan orang asing. Perbincangan terbatasi ini mengambil kira hakikat bahawa Indonesia terdiri daripada pelbagai suku kaum yang daerah geografinya berbeza. Setiap daerah geografi mempunyai bahasa dan kata sapaan yang berbeza. Kajian mengenai kata sapaan secara geografi dan *ingroupness* atau dalam kelompok tidak dibincangkan dalam makalah ini.

Dalam 10–15 tahun kebelakangan ini, ternyata terdapat perubahan dalam penggunaan kata sapaan. Ada kata sapaan yang belasan tahun lalu hanya digunakan terhadap rakan bicara yang mempunyai kelas sosial yang sama, saat ini juga ditujukan kepada rakan bicara yang kedudukan sosialnya lebih rendah. Gejala lain ialah persamaan darjat atau status, jantina, bangsa, gaya hidup moden, dan gaya hidup santai. Selain itu, ditemui juga beberapa kata sapaan yang kekerapan penggunaannya menjadi sangat rendah, tetapi ada juga yang tidak mengalami perubahan. Yang diteliti ialah perubahan penggunaan menurut dimensi menegak dan mendatar, serta persepsi penduduk Jakarta ketika ini dalam usaha menilai hubungannya dengan sesama warga secara sosial dan kemanusiaan sehingga timbul perubahan tersebut.

KEMAJMUKAN BAHASA DAN KATA SAPAAN

Di mana banyak suku bangsa yang tinggal di situ terdapat kemajmukan bahasa, demikian halnya Indonesia. Setiap suku di Indonesia mendiami daerah tertentu dengan bahasa serta dialek masing-masing. Setiap bahasa memiliki daerah geografi tertentu, termasuk kata sapaannya. Sapaan *uda*, *uni* terhadap abang dan kakak di Sumatera Barat tidak dikenal di Jawa Tengah dan Jawa Timur, sebaliknya *mas* dan *mbak* yang digunakan terhadap abang dan kakak tidak dikenal di Sumatera Barat dan di daerah lainnya. Di Menado, kata *bapak* ditujukan kepada laki-laki yang mempunyai hubungan tidak akrab dengan ego; apabila sudah akrab, sapaan itu berubah menjadi *om*. Uniknyanya, hanya di Menado guru laki-laki yang disapa *meneer* manakala guru wanita disapa *juffrouw*. Kata *meneer* dan *juffrouw* yang berasal daripada

bahasa Belanda ini dapat dipadankan dengan *mister* dan *miss* dalam bahasa Inggris.

Kemajmukan ini bertambah lagi dengan kehadiran penduduk keturunan Cina. Secara umum mereka terdiri daripada peranakan dan totok. Cina peranakan ialah yang telah lama menetap di Indonesia kira-kira lapan generasi; manakala Cina totok pula yang menetap selama kira-kira dua hingga tiga generasi. Golongan peranakan ini sudah tidak berbahasa Cina lagi, malah telah berasimilasi dan menyerap kebudayaan setempat. Walau bagaimanapun, Cina totok masih berbahasa Cina, sama ada Mandarin atau bahasa daerah Cina lainnya dan masih mengamalkan kebudayaan Cina. Pengelasan yang hanya berdasarkan tempoh menetap di Indonesia tidak tepat, kerana keturunan Cina di Kalimantan Barat walaupun sudah menetap di sana selama empat hingga lima generasi, namun masih belum berasimilasi secara budaya, sehingga mereka tetap tergolong sebagai totok.

Golongan peranakan membawa ciri linguistik dan budaya daerah asal masing-masing di Indonesia. Peranakan Cina Jawa berbeza dari segi bahasa dan adat serta kebiasaannya dengan Cina Bandung, Cina Medan, Cina Palembang, Cina Menado, Cina Ambon atau Cina Papua, meskipun ciri umum kecinnaan mereka masih kelihatan, antara lain dalam sapaan kekerabatan. Mereka berbahasa di tanah kelahiran dan tanah tempat mereka dibesarkan. Dalam pertuturan harian, orang Cina Jawa yang tinggal di Jawa Tengah dan Jawa Timur berbahasa Jawa; orang Cina Bali berbahasa Bali, dan sebagainya. Walaupun pencerminan adat dan kebudayaan setempat – tidak dominan – antara lain, namun ciri ini dapat dilihat pada makanan, pakaian, upacara perkahwinan, dan upacara kematian.

Dari sudut fonologi, loghat kaum peranakan tidak berbeza daripada peribumi. Dengan mendengar perbualan semata-mata, tidak dapat dibezakan sama ada yang berbicara itu peribumi atau Cina. Begitu juga yang berlaku di daerah lainnya. Ciri linguistik keturunan Cina ini seiras dengan daerah asalnya.

Dalam hal kata sapaan kekerabatan peranakan Cina, tidak semua yang menggunakan sapaan bahasa Hokkien, Hakka, Teochew atau bahasa lainnya. Mereka telah menyerap sapaan daerah setempat atau mencampurnya dengan sapaan bahasa Belanda, bagi yang berpendidikan Belanda.¹ Bukanlah sesuatu yang aneh apabila terdengar mereka menyapa seseorang dengan kata *kodé* yang bererti “koko gede” atau kakak sulung dan *kolik* yang bererti “koko cilik” atau kakak bungsu. Beberapa kata sapaan bukan Cina juga digunakan oleh kaum peranakan Cina. Misalnya, dalam kalangan peranakan Cina Palembang (Sumatera Selatan), muncul kata sapaan *uwak* yang

ditujukan kepada kakak ayah, *nyai* terhadap adik perempuan kakek, *bibi* terhadap adik perempuan ayah atau ibu. Khusus dalam kelompok peranakan laki-laki di pulau Jawa muncul kata *owe* yang bererti “saya”. Kata *owe* ini tidak dikenal oleh peranakan Cina di luar pulau Jawa.

Penduduk Jakarta yang berbilang bangsa secara *ingroupness* atau dalam kelompok menggunakan bahasa daerah dengan kata sapaan masing-masing. Secara *outgroupness* mereka berkomunikasi dalam bahasa Indonesia. Penggunaan ragam rasmi atau tak rasmi bergantung pada situasi dan tempat. Di pejabat pada waktu kerja tentulah digunakan ragam rasmi, pada waktu santai atau ketika makan tengah hari digunakan ragam tak rasmi yang disebut bahasa percakapan. Bahasa Indonesia percakapan ini banyak menerima pengaruh dialek Betawi baik secara morfologi mahupun fonologi.

Bermukimnya orang asing yang dapat berbahasa di Jakarta tidak memunculkan penggunaan sapaan asing seperti *Mr.*, *Mrs.* atau dalam bahasa lainnya pada waktu mereka berbicara dalam bahasa Indonesia. Orang asing juga disapa dengan kata sapaan bahasa Indonesia seperti bapak, ibu, anda, dan saudara.

JENIS KATA SAPAAN

Jadual berikut mengandungi jenis kata sapaan dalam ragam rasmi dan ragam percakapan dari kelas kata nama dan ganti nama. Yang dimaksudkan dengan ragam rasmi ialah ragam yang digunakan dalam perhimpunan, upacara, pidato, kuliah atau waktu lain dengan menggunakan bahasa Indonesia baku. Sebaliknya ragam percakapan digunakan di luar hal-hal di atas.

Kata sapaan kelas kata nama terdiri daripada nama diri, istilah kekerabatan, pangkat, gelar, dan kata nama yang lain. Dalam Jadual 1, kata sapaan kelas kata ganti dalam ragam rasmi tidak banyak yang mengalami perubahan, kecuali *engkau* yang tidak digunakan lagi. Yang sangat menonjol ialah ragam percakapan lafaz dialek Betawi, misalnya bunyi *a* dilafazkan menjadi *é* sehingga kata *gua*, *dia*, *kita* mempunyai varian *gué* [gué], *dié* [dié], *kité* [kité]. Duplikasi kata nama merupakan ciri khas kata sapaan ragam percakapan ini.

Lu yang merupakan sapaan ragam percakapan dari *kamu* atau *kau* sekarang dalam pengucapan mendapat tambahan bunyi *e* pada awalnya sehingga menjadi *elu*. *Elu* ini mempunyai varian *elo* [əlo].

Bentuk jamak kata ganti orang kedua dan ketiga dalam ragam percakapan sangat sederhana, yakni hanya mengulang bentuk tunggalnya sehingga *lu/elu/elo* menjadi *lu-lu/elu-elu/elo-elo*; *dia/dié* menjadi *dia-dia/dié-dié*.

Jadual 1 Jenis Kata Sapaan

Ragam rasmi							Ragam percakapan					
jenis	1		2		3		1		2		3	
Jumlah	t	j	T	j	t	j	t	j	t	j	t	j
Kata ganti	saya	kami kita	kamu anda	kalian kamu seka- lian anda se- kalian	dia ia beliau	mereka	aku gua/ gue gua- gua gué- gué kita- kita/ kité- kité	kita/ kité kita- kita kité- kité	kau kamu anda lu/elu/elo	kalian lu-lu- elu-elu /elo-elo	dia/ dié dié - dié	dia- dia/ die- die- dia- orang dié- orang
Kata nama	-	-	bapak ibu saudara tuan nyonya pendengar pemirsa penonton dokter profesor maha- siswa maha	(redu- plikasi daripada bentuk tunggal atau ditam- bah kata "sekali- an")	-	-	(na- ma dari)	-	pak bu mas mbak bang pir/supir kak dik nek kek nak cu cik	-	-	-

Sambungan Jadual 1

Ragam rasmi							Ragam percakapan						
Jenis		1		2		3		1		2		3	
Jumlah	t	j	T	j	t	j	t	j	t	j	t	j	
			siswi rakan rekanita teman presiden jendral camat lurah direksi direktur						ko/koh cim cek bi/bik mbok oma opa tante om dok sus prof nya/ nyonya ma/mama tuan non nyo sinyo neng				

PETUNJUK:

1 = kata sapaan orang pertama

2 = kata sapaan orang kedua

3 = kata sapaan orang ketiga

NOTA:

Pangkat dan gelar hanya diberikan beberapa contoh.

t = tunggal

j = jamak

Tetapi bentuk jamak orang pertama tunggal tidak mengikuti aturan sederhana di atas. *Aku* tidak dapat digandakan menjadi **aku-aku*, tetapi *gua/gué* dapat digandakan menjadi *gua-gua/gué-gué* atau *kita-kita/kité-kité*. Penggandaan ini hanya muncul untuk menunjukkan rasa kesal. Misalnya seorang teman sudah diberitahu agar jangan membetulkan basikal atau beca yang pecah tiub kerana dia belum berpengalaman, tetapi dia berkeras mahu membetulkannya. Lalu dengan terus terang saya berkata: “ntar *gué-gué/gua-gua/kité-kité/kita-kita* juga yang musti ngerjain.” Ayat itu bererti “nanti saya juga yang harus mengerjakannya.”

Kité-kité/kita-kita sebagai kata ganti diri pertama tunggal mempunyai bentuk yang sama dengan kata ganti orang pertama jamak. Bentuk jamak ini boleh digunakan untuk menyatakan rasa kesal atau tidak. Apakah yang diujar *saya* atau *kita*, hal itu dapat ditentukan melalui konteks pembicaraan. Berikut contoh *kité-kité* dalam bentuk jamak “*kité-kité* nih ude jalan berjempem, gimana kalo ngaso barang lima minit” yang ertinya “kita sudah berjalan berjam-jam, bagaimana kalau istirahat sekitar lima minit”. Penggunaan bentuk jamak *kité-kité/kita-kita* dapat ditukarkan dengan *kita/kité*.

Penggunaan *elu-elu/elo-elo* yang merupakan bentuk jamak dari *elu/elo* tidak berbeza daripada *kalian*. Sewaktu seorang kakak memperingatkan adik-adiknya, dia akan berkata “*elu-elu* jangan padénakal yé, ntar guégebukin baru tau rasa” yang bererti “kalian jangan nakal, nanti saya pukul baru tahu rasa”.

Dié-dié/dié orang atau *dia orang* merupakan bentuk jamak *dia/dié*. Pada ayat “*dié-dié* yang barusan duduk di sini padé ke mané?” bererti “mereka yang baru saja duduk di sini sekarang pergi ke mana?” *Dié-dié* juga mengacu kepada kata ganti orang ketiga tunggal, misalnya untuk mengungkapkan rasa kesal “*dié-dié* lagi yang bikin ulah” bererti “dia lagi yang membuat keributan”.

Kata sapaan daripada kelas kata ganti ragam tak formal sangat nyata digunakan oleh penduduk Betawi, di samping oleh kalangan anak muda dan penduduk Jakarta lainnya dalam percakapan sehari-hari. Namun, masih banyak penduduk Jakarta yang tidak melafazkan bunyi *a* menjadi *é* seperti diamalkan loeh orang Betawi.

Kata sapaan daripada kelas kata nama pada ragam rasmi hanya muncul pada orang kedua tunggal, pada ragam percakapan muncul pada orang pertama dan kedua tunggal. Kata nama diri seperti Nani, Gilang, Ari, Dini, Sri umum digunakan untuk menyebut diri sendiri. Kata nama diri ini digunakan terhadap ayah, ibu, anggota keluarga lain atau orang lain yang lebih tua untuk menunjukkan pembicara berusia yang lebih muda dan

“sedikit manja”. Bukan sesuatu yang aneh apabila Sri setelah pulang kuliah berkata kepada ibunya “Bu, tadi Sri makan ayam goreng Kentucky” padahal yang dimaksudkan ialah dirinya sendiri, bukan orang lain.

Kata nama sebagai kata sapaan orang kedua tunggal dalam ragam formal biasanya muncul dalam bentuk lengkap, sedangkan pada ragam percakapan, kata nama itu muncul dalam bentuk singkat serta jenisnya lebih banyak. Daftar kata sapaan singkat serta padanan masing-masing dalam bentuk lengkap ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Padanan Bentuk Singkat dan Bentuk Lengkap

pak	= bapak	bu	= ibu
mas	= kakang mas/adi mas	mbak	= mbakyu
kak	= kakak	dik	= adik
bang	= abang	sus	= suster
nek	= nenek	kek	= kakek
nak	= anak	cu	= cucu
nya	= nyonya	bi/bik	= bibik
nyo	= sinyo	non	= nona
dok	= dokter	prof	= profesor
pir	= supir		

PENGGUNAAN KATA SAPAAN

Penggunaan kata sapaan dianalisis berdasarkan dimensi menegak dan mendatar. Hubungan menegak menunjukkan hubungan antara orang yang kedudukan atau berstatus sosial yang tidak sama. Dimensi mendatar menunjukkan hubungan sejajar antara orang yang berstatus sosial yang sama atau berkedudukan yang sama.

Pemunculan kata sapaan tidak hanya ditentukan oleh dua dimensi itu, tetapi juga oleh subdimensi seperti tempat dan situasi yang dapat dibezakan; formal dan tak formal, usia, hormat, akrab, kemanusiaan, kehadiran orang ketiga, dan kesal hati. Subdimensi perlu dijadikan alat pengukur kerana turut berperanan dalam memunculkan jenis kata sapaan dengan pertimbangan siapa kawan bicara yang dihadapi. Misalnya, semasa berbicara dengan teman yang menjadi atasan dalam situasi tak formal dapat ber*relu-gué*, tetapi sapaan itu akan berubah menjadi *saya - bapak* ketika muncul seorang tamu. Dengan demikian, subdimensi keakraban perlu dijadikan

salah satu parameter. Mengingat hak asasi manusia terus ditingkatkan dan hubungan antara manusia terus diperbaiki, maka subdimensi kemanusiaan pun dicantumkan. Pada kata sapaan kelas kata ganti ragam bahasa percakapan santai, terdapat subdimensi kesal hati yang diungkapkan melalui penggunaan kata ganti.

Selanjutnya di bawah ini dibahasakan kemunculan kata-kata sapaan pada Jadual 1 berdasarkan tempat dan situasi serta parameter lain.

Tempat Formal Situasi Formal

Mesyuarat rasmi di pejabat merupakan tempat komunikasi dengan tempat dan situasi formal. Dalam keadaan demikian, muncul kata sapaan kata ganti dan kata nama ragam rasmi. Pada situasi dan tempat formal ini, hubungan menegak dan mendatar tetap dipatuhi, tetapi ada kekecualian. Kepada pemimpin yang berkedudukan lebih tinggi (menegak) digunakan *bapak/ibu* meskipun pemimpin itu lebih muda daripada ego. Nama pejabat dapat digunakan setelah kata sapaan, misalnya Bapak Komisaris Utama, Ibu Direktur Bagian Pemasaran, dan sebagainya. Antara pimpinan itu sendiri *bapak/ibu* tetap muncul.

Bagi ahli mesyuarat yang berkedudukan sejajar (mendatar) dengan ego, digunakan *saudara*. Di sini berlaku subdimensi usia dengan munculnya *bapak/ibu* apabila orang yang berkedudukan sejajar itu berusia lebih tua hanya untuk menunjukkan rasa hormat. Kekekapan kemunculan *saudari* dalam ragam rasmi sangat rendah atau bahkan tidak digunakan lagi.

Seorang pengarah yang masih muda, berusia sebaya dengan orang bawahannya disapa *ibu/bapak direktur* ketika mesyuarat atau dalam situasi formal yang lain. Walau bagaimanapun, di luar mesyuarat, apabila hubungan mereka akrab, terjadilah alih kod dengan menggunakan *gua-lu* atau nama diri.

Jenis kata ganti dalam situasi dan tempat formal ini antara lain *saya, anda, beliau, dia, anda sekalian, kita, kami, mereka* bukan *aku* atau *kau* yang terasa kurang sopan dalam situasi rasmi kerana hubungan menegak tersebut. Dalam situasi tidak rasmi pun, *aku* dan *kau* tidak dapat digunakan sesuka hati, harus diperhatikan subdimensi akrab, usia, dan hormat.

Dalam seminar yang pembicaranya doktor atau profesor, si pembicara dapat langsung disapa dengan gelar yang diikuti nama diri, misalnya Profesor Harimurti, Doktor Sutami. Untuk menunjukkan "lebih" hormat, ditambahkan kata *bapak* atau *ibu* di depan gelaran tersebut. Hal yang sama berlaku bagi gelaran yang terletak di depan nama diri, misalnya Doktor

Hartono, Insinyur Darmaputra. Apabila gelaran tersebut terletak di belakang nama diri seperti SS (Sarjana Sastera), SE (Sarjana Ekonomi), SH (Sarjana Hukum), MHum (Magister Humaniora), MM (Magister Manajemen) maka di depan nama diri ditambahkan *bapak/ibu/saudara*, misalnya Bapak Yulianto SS, Ibu Susanti Mhum, Saudara Agus MM, Saudara Murni SH. Semua gelaran itu diucapkan secara penuh.

Kata *nyonya* pada tempat dan situasi formal biasanya hanya ditujukan kepada isteri presiden atau pejabat, misalnya Ny Shinta Nuriyah. Kecepatan penggunaan *nyonya* sudah sangat berkurang, umumnya kata *ibu* yang muncul.

Dalam mesyuarat antara mahasiswa dapat digunakan sapaan *rekan* atau *teman* seperti dalam “Selamat siang *rekan* sekalian” atau “Selamat siang *teman* sekalian.” Yang sebenarnya *rekan* mempunyai pasangan *rekanita*, tetapi kata *rekanita* jarang-jarang digunakan. Ada beberapa radio swasta di Jakarta yang menggunakan kata ini terhadap teman sekerjanya. Dalam pertemuan rasmi antara rektor atau dekan dengan mahasiswa, mereka disapa dengan “Para mahasiswa yang saya cintai.” Sama seperti akhiran *-nita* pada *rekanita*, *-wi* pada *mahasiswa* penonjolan jenis jantina, dalam hal ini wanita tidak terlalu dipentingkan lagi. Hanya dalam keadaan tertentu bagi menonjolkan fokus pembicaraan mahasiswa perempuan barulah digunakan *mahasiswa*, misalnya “kami, para mahasiswa tinggal terpisah daripada para mahasiswa.”

Pangkat lain seperti jeneral, kapten, camat, lurah dalam situasi rasmi selalu didahului oleh kata *bapak* atau *ibu* apabila pangkat itu disandang oleh wanita.

Tempat Formal Situasi Tak Formal

Kita kembali lagi kepada tempat formal yang diutarakan di atas. Situasi tak formal dalam mesyuarat muncul ketika istirahat. Pada masa jeda itu kata sapaan berlaku menurut hubungan menegak dan mendatar kedudukan ahli mesyuarat, sehingga seorang atasan akan tetap disapa *bapak/ibu*. Sebaliknya dalam kalangan ahli mesyuarat yang kedudukannya sejajar dan mempunyai hubungan akrab, muncul sapaan kata ganti tak rasmi seperti *gua/gué, elu, kita/kité* atau kata nama seperti *mas, mbak*. Kata *mas* merupakan kependekan daripada *kang mas*, dapat ditujukan kepada orang berusia lebih tua daripada ego atau kependekan daripada *adi mas* yang ditujukan kepada orang yang lebih muda. Pemunculan sapaan demikian berlaku juga dalam suasana kerja pejabat sehari-hari.

Hal yang sama terjadi pada waktu istirahat dalam seminar atau kegiatan seumpamanya. Seorang penanya yang berusia jauh lebih tua daripada pemakalah akan menggunakan kata *bapak* sebagai penghormatan atau *saudara* kalau dia berasa *bapak* kurang sesuai untuk orang yang begitu muda. Tetapi di luar seminar terjadi alih kod, pemakalah muda itu akan disapa *dik* yang tidak muncul dalam seminar, kecuali usianya masih belasan tahun.

Bagaimana menyapa para pesuruh di universiti atau di pejabat? Sebenarnya *pesuruh* sama dengan *jongos* atau *babu*—istilah yang hampir tidak terdengar lagi kerana terasa terlalu merendahkan seseorang, meskipun pada hakikatnya dalam hierarki hubungan kerja, kedudukan mereka di bawah dosen dan pegawai. Meskipun universiti dan pejabat tempat formal, pertemuan dengan pesuruh tidak dalam situasi formal. Puluhan tahun lalu mereka disapa *bibi/bibik* atau *bang*. Mengingat sekarang hubungan kemanusiaan terus diperbaiki, taraf para pesuruh sebagai manusia dinaikkan. Apabila dia sudah agak berumur akan disapa *pak/ibu*, apabila masih muda disapa *mas-mbak*, atau kalau lebih muda lagi hanya disapa namanya sahaja. Mereka menyapa pensyarah dengan *bapak/ibu*.

Hospital dan klinik merupakan tempat yang beberapa tahun terakhir hanya menggunakan kata *bapak* dan *ibu* untuk memanggil pesakit. Pesakit menyapa perawat dengan *sus/suster*, tetapi mantri disapa *pak*. Seorang doktor, sama ada wanita atau pria semuanya disapa *dok*, sebaliknya doktor akan menggunakan *bapa/ibu* atau *dik* kalau si pesakit masih muda.

Pengacara televisyen menggunakan sapaan khusus terhadap penontonnya seperti *para penonton*, atau *pemirsa*, sedangkan pengacara radio menggunakan *para pendengar* atau *pendengar sekalian*. Bagi program televisyen yang khusus untuk kaum muda atau di pemancar radio khusus untuk kaum muda, muncul kata sapaan seperti *gua/gué*, *elu*, *elo-elo*, *kité* dan sejenisnya dengan menggunakan gaya bahasa percakapan.

Tempat Tak Formal Situasi Formal

Mesyuarat RT, RW atau arisan ibu rumah biasanya diadakan di rumah penduduk. Mesyuarat RT dan RW bersifat formal dan digunakan bahasa Indonesia baku dengan sapaan formal pula seperti *bapak*, *ibu* atau *saudara*.

Kutu dalam kalangan suri rumah biasanya terdiri daripada tiga acara: pembukaan, pengundian, dan penutup. Acara pembukaan dan penutup bersifat agak rasmi. Pembukaan diisi dengan kata pembukaan oleh ibu RT atau ketua kutu, laporan kewangan, pengumuman atau membicarakan hal lainnya. Setelah selesai pembukaan, mulailah pengundian nama yang mendapat kutu bulan itu, kemudian diikuti jamuan makan dan berbual-bual

santai. Dalam situasi ini muncul kata sapaan tak formal seperti *gué, lu* dalam kalangan ibu muda yang mempunyai hubungan akrab. Bagi wanita agak berumur biasanya “kurang sreg” menggunakan *gué, lu, kité*, mereka tetap menggunakan *saya* terhadap diri sendiri atau kata *ibu* yang diikuti nama diri untuk menyapa kawan bicara. Penutupan kutu kembali ke dalam suasana rasmi dan menggunakan sapaan rasmi pula.

Tempat Tak Formal Situasi Tak Formal

Suasana rumah merupakan salah satu tempat tak formal dengan situasi tak formal rumah. Sapaan dalam kalangan anggota keluarga yang menunjukkan hubungan darah, seperti ayah, ibu, mama, papa tidak dibicarakan dalam makalah ini. Beberapa kata sapaan dalam kelompok yang digunakan secara luar kelompok akan dibahaskan berikut ini.

Seperti yang telah dinyatakan, kata nama diri yang sering digunakan untuk menyebut diri sendiri merupakan gejala yang umum. Misalnya, Nani pada waktu berbicara dengan ayah dan ibunya akan menyebut dirinya dengan namanya *Nani*, bukan *saya*. Oleh sebab penggunaan nama sendiri untuk menggantikan *saya* bermula semenjak kecil dan bersifat agak “manja”, maka sampai dewasa kebiasaan tersebut sukar dihilangkan.

Kecenderungan yang menonjol ialah penggunaan kata *aku* oleh kaum muda. Kata yang seharusnya digunakan dalam hubungan mendatar dan akrab ini nampaknya sudah melewati “batasnya”. Kita sering mendengar seorang anak muda beraku-aku dengan orang yang baru dikenalnya.

Yang menarik ialah adanya perubahan kebiasaan anak-anak keluarga keturunan Cina menyapa pembantu rumah wanita dan laki-laki. Subdimensi kemanusiaan berperanan dalam hubungan menegak ini. Kira-kira belasan tahun lalu kata *bi/bibik* dan *bang* sering digunakan terhadap mereka, sekarang kata itu sudah digantikan dengan *mbak* dan *mas* yang maknanya sama dengan “kakak”. *Mbok* yang bererti “ibu” tetap digunakan sejak dahulu sampai sekarang oleh anak-anak terhadap pembantu setengah baya. *Mas* juga ditujukan kepada *supir* yang masih muda, sedangkan yang setengah baya disapa *pak*. Bagi keluarga yang mempunyai pengasuh anak, *sus* atau *suster* merupakan sapaan terhadapnya.

Bagaimana pembantu menyapa majikan? Sapaan umum terhadap majikan bagi keluarga peribumi ialah *bapak* dan *ibu*, sedangkan anak-anak mereka disapa *mbak* dan *mas*. Tetapi bagi keluarga yang kebelanda-belandaan kata *non* dan *sinyo* digunakan untuk menyapa putera/puteri keluarga tersebut. Dalam keluarga keturunan Cina, jenis sapaan yang muncul

bergantung pada corak keluarga. Belasan tahun lalu majikan keluarga peranakan umumnya disapa dengan *nya/nyonya* dan *tuan*; majikan keluarga totok disapa *cik* dan *koh/ko*. Keluarga peranakan juga menghendaki anak-anak mereka disapa *non* dan *nyo/sinyo*, sedangkan dalam keluarga totok memadai disapa dengan nama diri sahaja.

Keadaan di atas sekarang sudah berubah. Kini para pembantu diminta menyapa majikan daripada keluarga peranakan dengan *bapak* dan *ibu*. Tetapi sapaan terhadap anak-anak majikan masih ada yang menggunakan *non* dan *nyo/sinyo*, ada juga yang sudah mengubahnya dengan nama diri sahaja. Dalam keluarga totok majikan masih disapa dengan *cik* dan *koh/ko*.

Kalau di rumah sakit atau tempat amali doktor para jururawat dan doktor menyapa semua pesakit, baik peribumi mahupun keturunan Cina dengan *bapak/ibu*, tidak demikian di pasar. Para pedagang peribumi masih menggunakan *cik* atau *koh/ko* kepada pembeli keturunan Cina, tetapi ada juga yang menggunakan *kak*, *bu*, dan *pak*. Terhadap pembeli, nenek digunakan *mama/ma*. Sudah sejak dua-tiga puluh tahun terakhir kata *moi* atau *amoi* tidak terdengar lagi. Para penjual atau pemandu bajaj menyapa anak perempuan kecil dengan *neng*, sedangkan anak laki-laki biasanya tidak disapa, langsung sahaja bicara. Terhadap pembeli peribumi, pedagang peribumi atau bukan menggunakan kata *bu* dan *pak*.

Pembeli pada umumnya menyapa penjual peribumi dengan *bang*, *mbak*, *mas* untuk penjual berusia muda, *bu/pak*, atau dengan nama diri penjual apabila sudah berlangganan dan kenal baik. *Bu* dan *pak* muncul apabila penjual sudah berumur.

Terhadap penjual keturunan Cina pada umumnya pembeli peribumi atau keturunan Cina sendiri menggunakan *cik/koh*, dan *cim/cek* apabila sudah berumur.

Bagaimana kata sapaan di pusat perniagaan? Hal ini bergantung pada kelasnya. Di pusat perniagaan kelas menengah ke bawah seperti Pasar Senen, Pasar Jatinegara, Glodok, Mangga Dua sapaan yang muncul tidak jauh berbeza dengan di pasar. Tetapi di pasar swalayan, mal atau pusat perbelanjaan kelas menengah ke atas pada umumnya digunakan *pak/bapak* dan *bu/ibu*.

Dalam pergaulan, sapaan terhadap orang tua teman ialah *tante* dan *om*, terhadap nenek atau kakeknya digunakan *oma/opa*, atau *nenek/kakek*. Penggunaan *tante* dan *om* sudah sangat umum, sedangkan *oma/opa*, atau *nenek/kakek* digunakan dengan melihat latar belakang keluarga yang disapa. Apabila orang tua itu kelihatan “moden” atau kebarat-baratan dia akan disapa *oma/opa*, jika tidak, cukup dengan *nenek/kakek*. *Zus* yang merupakan

kependekan daripada *zusje* yang puluhan tahun lalu umum digunakan untuk menyapa wanita muda sekarang sudah hampir tidak terdengar lagi. Hal yang sama terjadi pada kata *nona*. Kata ini tidak terdengar lagi. Apabila diri sendiri sudah berumur sedangkan wanita yang disapa masih muda akan digunakan *dik* atau nama diri apabila hubungan akrab; apabila wanita itu sudah berumur akan disapa *ibu*. *Nak* dan *cu/cucu* merupakan sapaan orang tua terhadap orang muda yang pantas menjadi anak atau cucunya.

Seorang profesor akan disapa *prof*, tetapi *dok* ialah sapaan bagi doktor, bukan doktor. Seorang doktor hanya disapa *bapak* atau *ibu* yang diikuti nama diri. Seorang doktor bila-bila masa pun akan disapa *dok*. Sapaan *prof* belum begitu lazim di Indonesia, sering kali para profesor disapa dengan *pak/bu* sahaja terutama apabila hubungan cukup dekat. Tetapi sapaan ini dapat berubah menjadi *bapak/ibu* dan gaya bahasa dapat menjadi sangat formal. Hubungan mendatar yang dekat itu dibuat menjadi renggang dengan kehadiran orang ketiga yang hubungannya tidak begitu dekat.

Terhadap pemandu bas ada kalanya muncul kata *pir* sahaja atau *pak supir*; terhadap pemandu teksi digunakan *pak*, pemandu bajaj dan beca disapa dengan *bang*.

Surat-menyurat

Surat-menyurat rasmi, misalnya surat undangan pernikahan, seminar, dan mesyuarat, pada sampul surat tercantum kata *Bapak/Ibu/Saudara*. Kata *saudara* ditujukan kepada orang yang belum berkahwin. Tetapi perbezaan ini tidak begitu ditonjolkan lagi sehingga cukup dengan *Bapak/Ibu* sahaja, sedangkan kata *Tuan/Nyonya/Nona* sudah jarang-jarang digunakan.

Dalam surat-menyurat rasmi antara jabatan tidak digunakan *bapak/ibu*, memadai *saudara* sahaja. Hal ini untuk menunjukkan kedudukan yang sejajar antara jabatan yang mengirim dan yang dikirimi surat.

PERSELISIHAN PERSEPSI

Yang dimaksud dengan perselisihan persepsi ialah perselisihan pandangan dalam menilai hubungan antara manusia. Suatu hubungan yang jaraknya jauh menjadi tidak terlalu jauh dengan alasan kemanusiaan, usia, keakraban, jenis kelamin, dan sebagainya. Penggunaan kata sapaan kini dengan belasan sampai puluhan tahun lalu menampakkan perubahan, meskipun tidak seluruhnya. Hal ini mencerminkan perubahan – tepatnya perselisihan – persepsi anggota masyarakat dalam menilai hubungannya dengan anggota masyarakat yang lain.

Daripada perubahan penggunaan kata sapaan nampak perbezaan tinggi rendah kedudukan dalam hubungan kerja tidak selalu sejajar dengan perbezaan dalam hubungan kemanusiaan. Penghargaan terhadap hak asasi manusia memberikan kesan terhadap penggunaan kata sapaan dalam bahasa Indonesia, meskipun status dalam pekerjaan tidak berubah. Ada enam jenis peralihan persepsi, seperti yang dibincangkan di bawah.

Persamaan Darjat

Persamaan darjat muncul dalam hubungan menegak antara pensyarah-pekerja, pegawai. Pekerja menyapa pensyarah atau pegawai kerajaan dengan *bapak/ibu* mengingat statusnya dalam hubungan kerja lebih rendah. Sebaliknya, pensyarah atau pegawai kerajaan mengalih pandangannya terhadap pekerja, daripada orang yang berkedudukan rendah “disamakan” dengan dirinya sehingga terjadilah persamaan darjat dan penghormatan terhadap pekerja. Dengan demikian muncullah sapaan Pak Mat Ali atau Bu Ijah terhadap pekerja yang sudah berumur setengah baya lebih. Terhadap pekerja yang berusia muda digunakan nama dirinya.

Penggunaan kata sapaan dalam bahasa Indonesia dirasakan dapat menyatakan status yang sama, bukan seperti pada zaman penjajahan. Dengan alasan itu kata *tuan*, *nyonya*, dan *nona* yang menunjukkan status dan kedudukan kawan bicara jauh lebih tinggi daripada ego sudah jarang-jarang digunakan lagi.

Peningkatan Darjat

Dalam hubungan menegak antara anak majikan-pembantu status pembantu secara kemanusiaan ditingkatkan dengan cara mengubah sapaan *bi/bibik* menjadi *mbak*, *bang* menjadi *mas* atau *pak* untuk yang berusia setengah baya. Peralihan yang terjadi adalah kerana kedudukan pembantu yang sebelumnya dipandang rendah dinaikkan lebih ke atas, tetapi tidak disamakan.

Persamaan Jantina

Persamaan jantina mengalih pandangan yang menganggap kaum laki-laki lebih tinggi daripada perempuan. Belasan hingga puluhan tahun lalu perbezaan ini muncul dengan akhiran *-wati*, *-nita*, *-i* untuk menandai kata itu ditujukan kepada wanita. Tetapi persamaan darjat antara peria dengan wanita juga berkesan pada kata sapaan. Oleh itu kata *mahasiswa*, *rekan*, *relawan*, *wartawan*, *relawan* tidak khusus untuk peria sahaja, tetapi juga untuk wanita.

Persamaan Bangsa

Persamaan ras terutama muncul dalam interaksi antara peribumi dengan keturunan Cina, baik dalam situasi resmi mahupun tidak resmi. Dalam lingkungan pergaulan RT, RW atau lingkup lainnya golongan peribumi menyapa keturunan Cina dengan *bapak/ibu*. Saling sapa dengan kata *bapak/ibu* antara golongan Cina pun sudah bukan hal baru lagi, terutama di lingkungan gereja yang anggotanya terdiri daripada peribumi dan keturunan Cina. Contoh yang sangat jelas yang tidak digunakan lagi ialah *amoi* terhadap anak perempuan keturunan Cina, begitu pula *baba* terhadap peranakan Cina. serta kekerapan penggunaan *ncim* dan *ncek* sudah menurun.

Gaya Hidup Moden

Sapaan *tante*, *om*, *opa*, *oma* sudah lazim di kota Jakarta ditujukan kepada peribumi atau keturunan Cina yang dianggap ego bercirikan terpelajar dan “moden”. Penggunaan kata sapaan di atas lebih memberi kesan kehidupan moden antara yang disapa dengan diri sendiri. Namun, kata *broer* dan *zus* yang ditujukan kepada peria dan wanita yang lebih tua daripada diri sendiri tidak digunakan lagi sekalipun juga berasal daripada bahasa Belanda

Santai, Akrab

Kini kaum muda memiliki pandangan hidup yang lebih “longgar” terhadap adat istiadat. Hal ini tercermin pada sapaan yang digunakan oleh mereka. Sehari-hari dalam pergaulan dengan teman mereka beraku, *gue*, dan *elu* yang dapat menghilangkan jarak hubungan yang terasa jauh dan formal apabila menggunakan *saya* dan *anda*. Pemunculan sapaan bahasa percakapan ini seiring dengan gaya bahasa percakapan yang digunakan oleh mereka.

KESIMPULAN

Perubahan kata sapaan belasan tahun belakangan ini mencerminkan perubahan – tepatnya peralihan – pandangan dalam menilai hubungan antara sesama secara kemanusiaan. Hal ini sejajar dengan peningkatan hak-hak asasi manusia dan penghilangan diskriminasi di dunia.

Dalam bahasa Indonesia, peningkatan hak asasi manusia tercermin pada penggunaan kata sapaan yang sama secara timbal balik antara dua orang

yang status dan kedudukannya tidak sama, atau penggunaan kata sapaan yang saat ini nilai taraf kemanusiaannya lebih tinggi daripada dahulu. Di sini nampak perbezaan nilai dalam hubungan kerja dan nilai dalam hubungan kemanusiaan.

Sehubungan dengan hak asasi manusia itu, gejala penghilangan diskriminasi ras terlihat dengan semakin meluasnya penggunaan sapaan yang sama terhadap peribumi dan keturunan Cina. Dalam kalangan keturunan Cina sendiri pun penggunaan kata sapaan bahasa Indonesia sudah tidak aneh lagi. Hal ini tidak terjadi dalam ras sahaja, tetapi juga dalam jenis jantina.

Perubahan lain ialah penggunaan beberapa istilah kekerabatan Belanda tertentu dalam kehidupan moden. Walaupun penggunaan bahasa Inggeris sudah sangat meluas, namun tidak ada sapaan daripada bahasa itu yang muncul dalam masyarakat. Sebaliknya sapaan daripada bahasa Belanda yang pengguna bahasa itu hanya tinggal sebahagian kecil, nampak masih dianggap sebagai pencerminan kehidupan moden dan berpendidikan.

Perubahan yang cukup menonjol dalam kalangan anak muda ialah penggunaan kata sapaan sangat tak format diiringi gaya bahasa percakapan dan sikap santai.

NOTA

- 1 Tentang kata sapaan yang digunakan keturunan Cina lihat makalah penulis berjudul "Penggunaan Kata sapaan untuk Pelaku Kedua dalam masyarakat Keturunan Cina" dlm. *Linguistik Indonesia*, Jakarta 1987.

RUJUKAN

- Brown, R. dan A. Gilman, 1960. "The Pronouns of Power and Solidarity" dlm. Joshua A. Fishman, *Readings in Sociology of Language*, hlm. 252-275. Paris: The Hague.
- Chao, Yuen Ren, 1965. "Chinese Terms of Address" dlm. Anwar S. Dil 1976, *Aspects of Chinese Sociolinguistics*, hlm. 309-342. California: Stanford.
- Ervin-Tripp, S.M. 1969. "Sociolinguistics Rules of Address" dlm. J.B. Pride (ed.) 1972, *Sociolinguistics*, hlm. 225-240. Harmondsworth: Penguin Books.

KATA SAPAAN BAHASA INDONESIA KHUSUSNYA DI JAKARTA

- Harimurti Kridalaksana, 1974. "Second Participant in Indonesian Address" dlm. *Language Sciences* (Indiana University), Agustus 1974.
- Sutami, Hermina, 1987. "Penggunaan Kata Sapaan untuk Pelaku Kedua dalam Masyarakat Keturunan Cina" dlm. *Linguistik Indonesia*, hlm.1-38. Jakarta: Masyarakat Linguistik Indonesia.